

MODUL 11 - REKOD TAK LENGKAP

1. Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?

- A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
- B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah
- C Jumlah imbalan duga tidak dihitung dengan tepat
- D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

SPM 2008

2. Data berikut diambil daripada perniagaan Kedai Razif.

	RM
Modal awal	4 500
Modal tambahan	1 500
Untung bersih	2 620
Ambilan	620

Berapakah modal akhir Kedai Razif?

- A RM5 000
- B RM6 240
- C RM8 000
- D RM9 240

SPM 2008

3. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Balqis, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2007	
	RM
P	45 500
Tolak Q	15 500
	30 000

Apakah butiran P dan Q?

- A Hasil dan Belanja
- B Aset dan Liabiliti
- C Modal akhir dan Modal awal
- D Aset semasa dan Liabiliti semasa

SPM 2008

4. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kaar Ell.

	RM
Modal pada 1 Mei 2007	50 000
Modal pada 30 April 2008	61 000
Modal tambahan	5 000
Ambilan	500

Berapakah pulangan Perniagaan Kaar Ell?

- A Untung bersih RM15 500
- B Untung bersih RM6 500
- C Rugi bersih RM15 500
- D Rugi bersih RM6 500

SPM 2009

5. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Rahmat pada 31 Disember 2009 .

	RM
Modal awal	10 500
Modal akhir	15 000
Modal tambahan	1 500
Untung bersih	3 750

Berapakah ambilan perniagaan tersebut?

- A RM750
- B RM2 250
- C RM4 500
- D RM5 250

SPM 2010

6. Encik Firdaus seorang peniaga mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau membuat analisis berkaitan perabot perniagaannya seperti berikut:

	RM
Baki perabot pada 1 Januari 2009	1 250
+ Belian perabot baru	750
	2 000
- Baki perabot pada 31 Disember 2009	1 500
Z	500

Apakah Z?

- A Susut nilai perabot
- B Rugi jualan perabot
- C Untung jualan perabot
- D Baki perabot pada 1 Januari 2010

SPM 2010

7. Akaun Kadar Bayaran berikut disediakan untuk perniagaan Kedai Runcit Samy yang mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap.

Akaun Kadar Bayaran					
2009		RM	2009		RM
Jan. 1	Baki b/b	190	Dis. 31	Untung Rugi	970
	Bank	670			
Dis. 31	Baki h/b	110			
		<u>970</u>			<u>970</u>

Berapakah kadar bayaran belum bayar perniagaan tersebut?

- A RM110
- B RM190
- C RM590
- D RM670

SPM 2010

8. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan Encik Muru yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2009	31 Disember 2009
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	3 200	5 500
Maklumat tambahan:		
(i) Pulangan belian RM500		
(ii) Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar RM4 200		

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM1 400
- B RM2 400
- C RM6 000
- D RM7 000

SPM 2010

9. Data berikut diperoleh dari buku-buku perniagaan Puan Khalida yang menyimpan rekod perniagaan dengan tidak lengkap.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2010	5 600
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar sepanjang tahun	17 414
Diskaun diterima	792
Pulangan belian	566
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2010	3 980

Berapakah belian kredit bagi tahun berakhir 31 Disember 2010?

- A RM15 794
- B RM17 152
- C RM19 260
- D RM20 392

SPM 2011

10. Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan.

$$\text{Modal Akhir} + X - Y - \text{Modal Awal}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Modal Tambahan	Ambilan
B	Modal Kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal Tambahan
D	Modal	Modal Kerja

SPM 2011

11. Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga mempunyai rekod tak lengkap?

- A Modal akhir + Ambilan - Modal awal - Modal tambahan
- B Modal awal - Ambilan + Modal akhir + Modal tambahan
- C Modal awal + Modal tambahan - Modal akhir - Ambilan
- D Modal akhir - Modal awal + Modal tambahan - Ambilan

SPM 2014

12. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Bakat Enterprise pada 31 Disember 2011.

	<u>1 Januari 2011</u>	<u>31 Disember 2011</u>
	RM	RM
Akaun Belum Terima	1 840	2 682
Peruntukan hutang ragu		686
Cek diterima daripada Akaun Belum Terima		1 240

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM1 084
- B RM2 082
- C RM2 768
- D RM3 282

SPM 2012

13. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Zana.

	RM
Belian tunai	1 460
Belian kredit	8 165

Berapakah nilai belian yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM1 460
- B RM6 705
- C RM8 165
- D RM9 625

SPM 2012

14. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan Encik Muru yang gagal mengamalkan sistem catatan bergu.

Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2011	RM3 200
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2011	RM5 500
Maklumat tambahan:	
(a) Pulangan belian RM500	
(b) Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar RM4 200	

Berapakah belian kredit?

- A RM1 400
- B RM2 400
- C RM6 000
- D RM7 000

SPM 2012

15. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Rama.

	RM
Modal pada 1 Januari 2012	42 600
Modal pada 31 Disember 2012	47 600
Ambilan sepanjang tahun 2012	3 520

Apakah yang diperoleh Perniagaan Rama pada 31 Disember 2012?

- A Rugi RM1 480
- B Rugi RM8 520
- C Untung RM1 148
- D Untung RM8 520

SPM 2013

16. Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Abu yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

		RM
1 Januari 2011	Modal	42 800
31 Disember 2011	Kenderaan	33 400
	Bank	7 600
Abu telah membuat ambilan sebanyak RM500 sepanjang tahun tersebut.		

Berapakah untung atau rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2011?

- A Untung bersih RM2 300
- B Untung bersih RM1 300
- C Rugi bersih RM2 300
- D Rugi bersih RM1 300

SPM 2012

17. Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu?

- I Kaedah Analisis
- II Kaedah Perbandingan
- III Kaedah Penilaian Semula
- IV Kaedah Margin Caruman
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2013

18. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Runcit Chik, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	<u>1 Januari 2012</u>
	RM
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Akaun Belum Bayar	8 600
Akaun Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM8 790
- B RM12 190
- C RM12 410
- D RM29 610

SPM 2013

19. Situasi manakah yang menunjukkan peniaga mempunyai rekod tak lengkap dalam perniagaan?

- A Peniaga A merekod ambilan tunai di Akaun Ambilan sahaja
- B Peniaga B merekod bayaran gaji di Akaun Gaji dan Akaun Bank
- C Peniaga C merekod jualan kredit di Jurnal Jualan dan membuat pemindahan ke lejar
- D Peniaga D merekod belian perabot dengan cek ke Akaun Perabot dan Akaun Bank

SPM 2015

20. Maklumat berikut diberikan oleh Kedai Runcit Ria.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2012	3 000
Baki Akaun Belum Terima 31 Disember 2012	4 000
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	8 000
Pulangan jualan	320

Berapakah jualan kredit kedai tersebut?

- A RM6 680
- B RM7 320
- C RM8 680
- D RM9 320

SPM 2013

21. Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I. Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- II. Mencatat di buku tunai sahaja
- III. Merekod menggunakan sistem catatan bergu
- IV. Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2014

22. Cik Mona tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2013.

2013		RM
Jan. 1	Iklan belum bayar	280
Dis. 31	Jumlah pembayaran iklan	540
	Iklan belum bayar	160

Berapakah jumlah iklan yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2013?

- A RM420
- B RM540
- C RM660
- D RM980

SPM 2014

23. Kejadian banjir besar di Bandar Kota Bharu, Kelantan telah menyebabkan sebahagian rekod perakaunan Perniagaan Batik Qaseh musnah.

Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan pendapatan bagi Perniagaan Batik Qaseh?

- A Kaedah Garis Lurus
- B Kaedah Perbandingan
- C Kaedah Penilaian Semula
- D Kaedah Baki Berkurangan

SPM 2016

24. Penyata Untung Rugi berikut digunakan bagi membantu peniaga yang menyimpan rekod perniagaan secara tidak sistematik.

Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir...(petikan)	
Modal Akhir	xx
(P) Ambilan	xx
	xx
(Q) Modal Awal	xx
	xx
(R) Modal Tambahan	xx
Untung Bersih	xx

Operasi manakah yang diwakili oleh P, Q dan R?

	P	Q	R
A	Tambah	Tolak	Tolak
B	Tolak	Tambah	Tambah
C	Tambah	Tolak	Tambah
D	Tolak	Tambah	Tolak

SPM 2015

25. Encik Chong, pemilik Kedai Runcit Keluarga tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2015.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2015	4 010
Diskaun diterima	170
Pulangan masuk	280
Hutang lapuk	206
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	6 018
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2015	2 420

Berapakah jumlah jualan kredit Kedai Runcit Keluarga?

- A RM8 264
- B RM8 094
- C RM4 914
- D RM4 524

SPM 2016

26. Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Wari Enterprise.

	RM
Modal 1 Julai 2014	12 000
Modal 30 Jun 2015	21 000

Sepanjang tempoh perakaunan, Encik Wari telah mengambil tunai perniagaan sebanyak RM2 000 dan inventori perniagaan bernilai RM700 untuk kegunaan peribadi. Beliau juga telah memasukkan modal tambahan sebanyak RM5 000.

Berapakah untung bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2015?

- A RM6 700
- B RM16 700
- C RM25 300
- D RM35 300

SPM 2016

27. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Balqis, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2017		
		RM
	P	45 500
Tolak	Q	15 500
		<u>30 000</u>

Apakah P dan Q?

- A Hasil dan Belanja
- B Aset dan Liabiliti
- C Modal Akhir dan Modal Awal
- D Aset Semasa dan Liabiliti Semasa

SPM 2017

28. Ai Leng merekod urus niaga perniagaannya menggunakan sistem catatan bergu. Manakala Wakeel pula merekod urus niaga perniagaannya menggunakan sistem catatan tunggal.

Apakah kesan penggunaan sistem catatan berkenaan terhadap rekod perniagaan mereka?

	Ai Leng	Wakeel
A	Ada Imbangan Duga	Tiada Imbangan Duga
B	Nilai untung atau rugi tepat	Nilai untung atau rugi tidak boleh dikira
C	Penyata Kedudukan Kewangan boleh disediakan	Penyata Kedudukan Kewangan tidak boleh disediakan
D	Modal akhir boleh dikira	Modal akhir tidak boleh dikira

SPM 2018

29. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan kepunyaan Encik Ramesh yang menyimpan rekod tidak lengkap.

	RM
Modal akhir	7 000
Ambilan	6 800
Modal awal	11 000
Modal tambahan	800

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

- A Untung bersih RM2 000
- B Untung bersih RM12 000
- C Rugi bersih RM2 000
- D Rugi bersih RM12 000

SPM 2018

30. Item manakah yang menambahkan nilai ekuiti pemilik?

- A Belanja
- B Ambilan
- C Rugi bersih
- D Modal tambahan

SPM 2018

31. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Azmi.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik Perniagaan Azmi?

- A RM10 400
- B RM11 560
- C RM22 400
- D RM23 560

SPM 2019

32. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Dhuha yang tidak mengamalkan rekod yang lengkap.

	<u>1 September 2018</u>	<u>31 Ogos 2019</u>
	RM	RM
Sewa prabayar	450	900

Buku Tunai	
RM	RM
	Sewa 4 050

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM2 700
- B RM3 600
- C RM4 500
- D RM5 400

SPM 2019

33. Maklumat berikut menunjukkan pembelian mesin oleh sebuah firma sepanjang tahun 2018.

Tarikh	RM
1 Januari 2018	1 800
30 April 2018	3 600
31 Disember 2018	4 800
Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.	

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2018?

- A RM600
- B RM840
- C RM900
- D RM920

SPM 2019